



WEBINAR *DOING RIGHT PROJECTS RIGHTLY* 2022 “TADBIR URUS CEMERLANG: KEARAH SIFAR PROJEK SAKIT”

Pengurusan Projek Awam di Malaysia : Kes
Penyelewengan dan Salahlaku


KPPJ Sudirman bin Aban
Timbalan Pengarah
Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

SITUASI RASUAH DI MALAYSIA

Prestasi
Malaysia dalam
**Corruption
Perception
Index (CPI)**
tidak begitu baik

TAHUN	KEDUDUKAN	SKOR
2021	Kedudukan ke-62 daripada 180 negara	48%
2020	Kedudukan ke-57 daripada 180 negara	51%
2019	Kedudukan ke-51 daripada 180 negara	53%
2018	Kedudukan ke-61 daripada 180 negara	47%
2017	Kedudukan ke-62 daripada 180 negara	47%
2016	Kedudukan ke-55 daripada 175 negara	49%
2015	Kedudukan ke-54 daripada 168 negara	50%

SITUASI RASUAH DI MALAYSIA



Antara 2005 hingga 2014, MALAYSIA kehilangan

RM1.8 TRILION

menerusi aliran kewangan tidak sah yang mana sebahagian daripadanya berpunca daripada amalan **RASUAH**.

Sumber: Global Financial Integrity Report 2017

RASUAH dalam perkhidmatan awam?



GLOBAL CORRUPTION BAROMETER 2017

- 162,136 responden daripada 119 negara
- 20%-30% rakyat Malaysia mempunyai pengalaman **memberi rasuah** apabila berurusan dengan penjawat awam dalam tempoh 12 bulan

RASUAH dalam perkhidmatan awam?

STATISTIK TANGKAPAN 2015 - 2020

(5,652 tangkapan)



47.5%
(2,683)



23.8%
(1,347)



26.7%
(1,347)

Sehingga 31 Disember 2020

RASUAH & PENYELEWENGAN DALAM PEROLEHAN AWAM

SEKTOR YANG CENDERUNG KEPADA RASUAH

2013 – 2018

(Aduan dan Maklumat yang diterima oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM))



SITUASI RASUAH DI SEKTOR PEROLEHAN

PERANGKAAN AKTIVITI **SIASATAN** SPRM BERKAITAN PEROLEHAN KERAJAAN (2017 - 2022)

TAHUN	MAKLUMAT	KERTAS SIASATAN	TANGKAPAN	TUDUH	SABITAN
2017	1583	294	211	87	25
2018	1345	254	229	74	28
2019	1394	267	325	60	10
2020	1128	188	198	188	40
2021	1325	219	228	118	108
2022	796	158	176	92	63
JUMLAH	7571	1380	1367	619	274

PERANGKAAN AKTIVITI **SIASATAN** SPRM BERKAITAN PEROLEHAN KERAJAAN (2017 - 2022)

STATISTIK KERTAS SIASATAN (PECAHAN SEKSYEN KESALAHAN) BERKAITAN PEROLEHAN KERAJAAN
BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2022

TAHUN	ASPRM 2009 /APR 1997				AMLA	Kanun Keseksaa n	Lain- Lain	JUMLAH
	Terima Rasuah	Beri Rasuah	Tuntutan Palsu	Salahguna kuasa				
2017	69	1	143	53	20	2	6	294
2018	49	0	148	50	5	0	2	254
2019	73	4	137	48	5	0	0	267
2020	46	4	78	38	14	2	6	188
2021	57	2	89	45	5	9	12	219
2022	39	1	70	30	2	6	10	158
JUMLAH	333	12	665	264	51	19	36	1,380

PERANGKAAAN AKTIVITI PENAMBAHBAIKAN SISTEM & PROSEDUR SPRM (2017 - 2022)

TAHUN	KERTAS PEMERIKSAAN DAN PERUNDINGAN BERKAITAN PEROLEHAN	
	BUKA	SIAP
2018	26	26
2019	12	12
2020	23	23
2021	28	28
2022	17	17
JUMLAH	106	106



ANTARA KES-KES
RASUAH
YANG TELAH
MENCEMARKAN IMEJ
PERKHIDMATAN AWAM

SKANDAL AIR SABAH



4 individu didakwa di mahkamah atas kesalahan pengubahan wang haram di bawah AMLATFAPUAA 2001:

- Pengarah JANS - 14 pertuduhan
- Isteri Pengarah JANS - 21 pertuduhan
- Timbalan Pengarah JANS - 127 pertuduhan
- Mantan Timbalan Pengarah JANS - 4 pertuduhan



- Ops Water - dijalankan dalam bulan Oktober 2016.
- Melibatkan Jabatan Air Negeri Sabah.
- Keseluruhan rampasan berjumlah **RM214,139,537**



Wang tunai
RM75,803,598



Akaun bank
RM25,091,972

9 kereta mewah
575 barang kemas emas
346 barang kemas permata
93 beg tangan berjenama
86 jam tangan mewah
127 bidang tanah

SKANDAL AIR SABAH



Kelemahan dikenalisti:

- Kerja Kecemasan – kerosakan paip, pecah/bocor, pump rosak, pindah meter, kes penyambungan air haram dianggap kecemasan. Atas dasar itu eperolehan dibuat tidak mengikut prosedur.
- Pemilihan kontraktor secara ad-hock oleh Jurutera Air untuk kerja kecemasan di bawah nilai RM20 ribu.
- Perolehan secara pembelian terus bagi kerja-kerja kecemasan.
- Kadar harga tidak sepadan – Jadual Kadar Harga yang disediakan melebihi (sehingga 30%) daripada harga pasaran.

uCustoms



Pembangunan sistem uCustoms bagi menggantikan Sistem Maklumat Kastam (SMK) sejak 1995 bertujuan untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan perkastaman dan institusi perdagangan yang mematuhi piawaian antarabangsa. Namun

Projek gagal disiapkan

- Tempoh : 7 Tahun 2 bulan (86 bulan)
- 5 EOT telah diberikan bagi penyiapan
- Kerugian kepada Kerajaan mencecah RM272.99 juta

Nilai kontrak berjumlah RM317.78 juta menerusi tender terbuka.

uCustoms

Kelemahan dikenali pasti:

- Pemilihan produk yang kurang tepat (COTS 70% customization & 30% configuration)
- Kelemahan PMO dalam memantau projek
- Kompetensi syarikat pembekal yang lemah (teknikal)
- Pembayaran LAD EOT 3 dan EOT 4 berjumlah RM3.94 juta
- Projek yang terlalu holistik dan melibatkan pelbagai pihak.



Sumber: Kontrak Pembangunan Sistem uCustoms
Mesyuarat JKPU Bilangan 2 Tahun 2020 Bertarikh 21 Oktober 2020
Surat MoF Bertarikh 12 November 2020

Projek Bersepadu Solar Photovoltaic (PV) Kementerian Pendidikan



- Projek Bersepadu Sistem Solar Photovoltaic (PV) Hibrid dan Penyelenggaraan serta Operasi Genset/Diesel bagi 369 sekolah luar bandar Sarawak bernilai **RM1.25 bilion** secara rundingan terus daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Melibatkan wang rasuah sebanyak RM187.5 juta, yang dibuat melalui bekas pembantu peribadi, iaitu 15 peratus nilai kontrak daripada bekas Pengarah Urusan Jepak Holdings.
- Wang berkenaan sebagai upah membantu Jepak Holdings mendapatkan projek berkenaan.

Projek Bersepadu Solar Photovoltaic (PV) Kementerian Pendidikan

Kelemahan dikenali:



- Penggunaan surat sokongan dalam urusan perolehan Kerajaan
- Kuasa Menteri yang tiada had (Akta Tatacara Kewangan 1957)
- Rundingan harga tidak dilaksanakan
- Tidak melaksanakan pengurusan nilai
- Pindaan pada dokumen kontrak
- Pelaksanaan projek (perolehan) yang tidak dirancang)

Kartel Perolehan



Melibat Dato' Adly bin Kamaruddin yang menyertai perolehan/tender di 6 agensi (5 agensi kerajaan dan 1 badan berkanun) dengan menggunakan banyak syarikat di bawah kendaliannya. Kontrak keseluruhan melibatkan RM558 juta

- Kesalahan mengemukakan dokumen palsu - Surat Setuju Terima dan Borang A KWSP dari lain-lain agensi sebagai bukti rekod pengalaman kerja.
- Dituduh dengan 69 pertuduhan berkaitan pemalsuan dokumen.
- Telah mengaku bersalah ke atas 10 pertuduhan pilihan di bawah seksyen 471 Kanun Keseksaan yang mana beliau mengaku dengan curangnya menggunakan dokumen SST dan Borang A KWSP yang palsu sebagai tulen
- Hukuman denda 3 juta dan lucuthak RM5,014,633.24 di bawah Seksyen 45(2) AMLATFPUAA 2001

Kartel Perolehan

Kelemahan dikenalpasti:



- Maklumat Petender dalam Government Procurement System (GPIS) tidak dikemaskini oleh agensi.
- Monopoli – seorang individu menggunakan banyak syarikat untuk menyertai perolehan kerajaan. (kegagalan mengenalpasti *Beneficial ownership*)
- Anggaran Jabatan/Harga indikatif tidak didedahkan dalam dokumen tender (Arahan kepada Petender)
- Borang A – Surat pengakuan kesahihan maklumat dan dokumen yang dikemukakan oleh petender/syarikat yang hanya mengikat dari sudut kontrak dan bukan dari sudut perundangan
- Prosedur kewangan dan perolehan badan berkanun yang lemah. Tidak selari dengan perolehan kerajaan.

PUNCA RASUAH DI SEKTOR PEROLEHAN



Ia berasaskan kepada kelemahan kawalan dari segi **sistem, prosedur dan tatacara** sedia ada jabatan dan juga kelemahan agensi dalam **Penguatkuasaan, Pemantauan dan Pematuhan**



Monopoli **kuasa**



Kuasa **budi bicara** yang luas



Kelemahan **akauntabiliti**



Tiada **ketelusan** dalam proses perolehan



Masalah **Integriti** pegawai perolehan



KESALAHAN LAZIM PEROLEHAN AWAM

1

Campur tangan individu
berpengaruh dalam urusan
pentadbiran dan perolehan kerajaan

- Campur tangan anggota pentadbiran kerajaan
- Campur tangan oleh pegawai khas kepada menteri/timbalan menteri

2

Perolehan pada harga yang tidak munasabah

- Sesetengah harga barang/kontrak dinaikkan bagi menampung kos-kos lain yang tidak dinyatakan dalam tender.
- Menyebabkan Perolehan yang tidak mengikut prosedur oleh pegawai terlibat
- Harga perolehan dinaikkan bagi menampung kos bayaran rasuah kepada pihak tertentu.

3

Aktiviti lobi dan peranan 'orang tengah' untuk faedah individu tertentu

- Contoh 1: 'Orang tengah' melobi untuk mendapat projek di agensi
- Contoh 2: Melobi untuk mendapat jawatan / faedah tertentu dalam agensi

4

Tawaran hadiah / keraian daripada mereka yang mempunyai hubungan rasmi

- Seksyen 165 Kanun Keseksaan - kesalahan penjawat awam menerima barang bernilai tanpa balasan munasabah daripada pihak yang mempunyai hubungan rasmi.
- Patuhi Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998: Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah dalam Perkhidmatan Awam

5

Pembekalan yang tidak mengikut spesifikasi

- Kontraktor/pembekal wajib untuk membekalkan/menyiapkan projek berdasarkan spesifikasi dipersetujui;
- Tanggungjawab pegawai untuk mengesahkan penerimaan dan kesiapan projek
- Kegagalan mematuhi spesifikasi boleh menjadi rasuah dan tuntutan palsu

6

Improper Payment

- Pembayaran kepada kontraktor atau pembekal tanpa mengikut tatacara kewangan yang betul;
- Pembayaran dibuat walaupun perolehan tidak dilaksanakan atau tidak sempurna;
- Kerap kali timbul kerana agensi cuba mengelakkan pembayaran menggunakan peruntukan tahun berikutnya sepertimana Arahan Perbendaharaan 58 (AP58)

7

Gagal Melaksanakan *Due Diligence*

- Tidak melaksanakan due diligence semasa pemilihan syarikat/kontraktor;
- Dari segi kemampuan, integriti, beneficiary ownership dan pengalaman kerja;
- Menyebabkan kesipalan memilih kontraktor yang betul-betul layak dan kompeten dalam melaksanakan perolehan kerajaan.

AMAT PENTING!

Pegawai awam wajib
menghindarkan diri daripada
melakukan kesalahan rasuah

RASUAH: JIKA BERSALAH...



PENJARA tidak lebih 20 tahun; **DAN**

DENDA 5 kali ganda nilai suapan, atau RM10,000, mana yang lebih tinggi.



MENOLAK RASUAH & MELAPORKAN RASUAH

GAGAL melapor adalah kesalahan jenayah
- Seksyen 25 Akta SPRM 2009 -





**'Jaga tepi kain orang'.
Elak **rasuah** dalam sektor awam.**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Tan Sri Mohd Khairul Adib Abdul Rahman
13 Januari 2021

PENGIKTIRAFAN KEPADA MEREKA YANG MENOLAK RASUAH

- Pegawai awam yang menolak rasuah, akan diberikan pengiktirafan atau ganjaran.
- Selaras dengan surat KSN bertajuk 'Garis Panduan Pengiktirafan Kepada Penjawat Awam Yang Melaporkan Pemberian atau Penerimaan Rasuah'.

Pengiktirafan kepada mereka yang menolak rasuah

364 penjawat awam telah
menerima pengiktirafan ini

RM670,466

Jumlah ganjaran yang telah diberi kepada
penjawat awam terbabit

Sehingga 31 Disember 2020

GAGAL LAPOR SOGOKAN, LIMA PEGAWAI MOF DIDENDA




- KUALA LUMPUR, 2 Disember 2020 - 5 kakitangan Unit Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) masing-masing didenda RM1,500 hingga RM2,000.
- Mereka mengaku bersalah atas tuduhan **gagal melaporkankan** penyogokan kepada SPRM.
- Mereka telah ditawarkan suapan berjumlah RM200 hingga RM600 dari orang tengah bagi tujuan mempercepatkan proses Permohonan Baru Akaun Kementerian Kewangan untuk beberapa syarikat melalui sistem e-Perolehan.

Denda RM80,000 kerana **gagal** **lapor** pemberian rasuah



- Kuantan, 8 Mac 2021 - Mahkamah memerintahkan bekas Penolong Pengurus Pengeluaran, Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) membayar denda RM80,000 selepas mengaku salah terhadap 4 pertuduhan pilihan **gagal melaporkan** pemberian rasuah berjumlah RM201,800.
- Tertuduh didakwa gagal melaporkan kepada SPRM berhubung suapan yang diterimanya di antara 21 Disember 2015 dan 4 Oktober 2017 daripada pengarah sebuah syarikat pembinaan.
- Setiap transaksi bernilai RM90,000, RM60,000, RM20,000 dan RM31,800 - dimasukkan ke dalam akaun syarikat milik menantu tertuduh.
- Balasan rasuah - membantu syarikat berkenaan mendapatkan projek baik pulih pasca banjir 2014 daripada PAIP, secara lantikan terus bernilai RM3.76 juta.



SESI SOAL JAWAB

Terima kasih!

